**MINIT MESYUARAT**
**PUSTAKAWAN SISTEM MAKLUMAT MALAYSIA (MySyL)**
**BIL 3/2012**

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | **: 19 November 2012** |
| **Hari** | **: Khamis** |
| **Masa** | **: 9.00 pagi -2.00 petang** |
| **Tempat** | **: Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia** |

**Hadir:**
Pn. Sarifah Abdullah (UIAM) -Pengerusi
En. Shaifol Yazam Mat (UPM)
Cik Zuraidah Darus (UUM)
Pn. Nor Asikin Mohamad (UTM)
Pn. Wan Norizan Wan Mansor (UiTM)
Pn. Zuhaslinda Sulaiman (UiTM)
En. Syed Mohammad Helmy Syed Md. Akhir (UMT)
Pn. Sharifah Fahimah Saiyed Yeop (UTP)
En. Mohd Kamal Mohd Yusoff (UniKL)
En. Khairul Asyrani Sulaiman (UPSI)
En. Rozman Che Ross (UPSI)
En. Norkamarizal Kamarudin (MMU)
En. Md. Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM)
En. Mohd Najib Abdullah (UPNM)
Pn. Rozana Kamdani (USIM)
Pn. Wan Irma Wan Hamat (UNITEN)
En. Mohd Fuad Jamal (UNITEN)
En. Amirul Firdaus Zilah (UMK)
En. Ahmad Munawar Momad Anuar (OUM)
Pn. Tengku Zemy Azmira Tengku Aziz (UIAM)
Cik Norshahila Che Din (UTeM)
En. Haslan Tamjehi (UM)
En. Muizzudin Kaspol (UPM) -Setiausaha

**Tidak Hadir:**
En. Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini (USM)
En. Muhammad Syafaruddin Mahali (UMS)
Pn. Amelia Hasan (UMP)
Pn. Rosnorzaini Rusli (UniSZA)
Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS)
En. Suhaimi Mohd Sukor (UTHM)
En. Mohd Shahrul Annuar Alawi (UniMAP)

| Bil. Minit | Perkara | Tindakan | Tarikh |
|---|---|---|---|
| **MINIT 1.0** | **UCAPAN ALUAN** | | |
| | Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.<br><br>Encik Mohd Najib Abdullah wakil Ketua Pustakawan, Perpustakaan Jenereal Tun Ibrahim, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, memberi ucapan aluan serta mengalu-alukan kedatangan Pustakawan / Pegawai Sistem dan Teknologi Maklumat ke Mesyuarat MySyL ke-3/2012. | Makluman | |
| **MINIT 2.0** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MySyL 2/2012** | | |
| | Wakil UPM mencadangkan supaya Minit Mesyuarat MySyL Bil. 2/2012 disahkan tanpa sebarang pindaan, manakala disokong oleh wakil UiTM. | Makluman | |
| **MINIT 3.0** | **PERKARA BERBANGKIT** | | |
| **3.1** | **Laporan Portal MyUniNet, MyTO dan MyULIS**<br><br>**Kemas kini data tesis**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua universiti telah mengemaskini maklumat tesis, dan ada universiti yang masih belum mengemaskini rekod tesis kerana masih belum mempunyai koleksi tesis Master dan PhD. Rujuk senarai universiti yang telah mengemaskini rekod tesis di lampiran 1.<br><br>Mesyuarat juga bersetuju untuk mengemaskini rekod tesis dari masa ke semasa dan sekurang-kurangnya 2 kali setahun, iaitu setiap bulan Januari dan Julai setiap tahun<br><br>**Kemaskini Direktori Ahli PERPUN, MySyL dan MOLEC**<br>Mesyuarat dimaklumkan supaya menghantar maklumat terkini untuk ahli PERPUN, MySyL, dan MOLEC kepada Pentadbir Portal untuk dikemaskini dalam portal. Maklumat yang diperlukan adalah:<br>i. Nama<br>ii. Jawatan<br>iii. Nama Perpustakaan | Makluman<br><br>Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iv. Universiti<br>v. Emel<br>vi. No. Telefon<br>vii. Gambar<br>Maklumat ini perlu dihantar ke muiz@lib.upm.edu.my | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | |
| | **Penambahbaikan fungsi dan modul Portal MyTO**<br>Mesyuarat telah dimaklumkan mengenai beberapa ciri tambahan baharu dan pembetulan pada portal MyTO, antaranya:<br>i. Menambah fungsi *Browse by Year*<br>ii. Menukar carian mudah kepada judul<br>iii. Menukar perkataan *location* kepada *Institution*<br>iv. Menukar perkataan SIG IT kepada MySyL | Makluman | |
| | **Kemaskini data bahan terbitan bersiri di Portal MyULIS**<br>Mesyuarat telah dimaklumkan masih terdapat universiti yang tidak mengemaskini rekod bahan terbitan bersiri di Portal MyULIS. Rujuk senarai universiti yang telah mengemaskini rekod di lampiran 2 | Makluman | |
| | Mesyuarat bersetuju supaya pustakawan sistem maklumat membantu pustakawan di perpustakaan masing-masing dalam proses untuk memuat naik data bahan terbitan bersiri ke Portal MyULIS. Mesyuarat juga bersetuju data bahan terbitan bersiri ini dapat dimuat naik sebelum bulan Februari 2013. | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | Februari 2013 |
| | **Penambahbaikan fungsi dan modul Portal MyULIS**<br>Mesyuarat telah dimaklumkan mengenai beberapa ciri tambahan baharu dan pembetulan pada portal MyULIS, antaranya:<br>i. Menambah fungsi *Browse by Institution* berserta dengan jumlah koleksi bahan.<br>ii. Menambah fungsi *List Data* pada akaun admin, berserta dengan fungsi *Edit* dan *Delete*. | Makluman | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **3.2** | **Sistem Aplikasi Inter Library Loan (ILL)**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa,<br>i. MMU sedang menunggu perolehan server baharu untuk tujuan penempatan aplikasi ILL ini, yang dijangka akan diperoleh pada hujung bulan Disember 2012.<br>ii. Satu sesi latihan penggunaan aplikasi ILL ini akan diadakan pada bulan Februari atau Mac setelah proses pemindahan data dari server lama ke server baharu selesai. Latihan ini akan diberikan kepada wakil setiap universiti yang bertanggungjawab dalam urusan pinjaman antara perpustakaan (PAP) di perpustakaan masing-masing. | Makluman | |
| | Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pautan sistem aplikasi ILL ke Portal MyUniNet masih belum dapat dilaksanakan kerana server aplikasi ini masih di peringkat prototaip | Makluman | |
| **3.3** | **Sistem Aplikasi Katalog Induk PERPUN (KIP)**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa;<br>i. Kebanyakkan universiti telah menghantar data MARC kepada UUM, dan UUM telah memuatnaik ke sistem aplikasi KIP. | Makluman | |
| | ii. 2 universiti yang belum menghantar data MARC ke UUM untuk dimuat naik ke sistem ini, adalah:<br>• Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)<br>• Universiti Malaysia Kelantan (UMK) | USIM/UMK | |
| | Mesyuarat bersetuju supaya semua rekod TAG 001 yang mempunyai nilai yang sama iaitu "vlts" ditukar kepada akronim nama universiti masing-masing. Pustakawan sistem maklumat bertanggungjawab untuk menukar rekod pada TAG 001 ini sebelum dihantar kepada UUM. Rekod ini perlu dihantar semula kepada UUM sebelum Februari 2013. | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | Februari 2013 |
| | Mesyuarat Bersetuju untuk menghantar rekod kepada UUM untuk dimuat naik ke KIP empat kali setahun | Pentadbir Portal | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3.4 | **Kaji Selidik Kepakaran Pustakawan Perpustakaan Akademik Malaysia**<br>Mesyuarat dimaklumkan sehingga kini hanya 133 responden yang memberi maklum balas dalam kaji selidik ini. Jumlah ini sangat kecil berbanding jumlah pustakawan yang ada di Perpustakaan Akademik di Malaysia, dan masih ada perpustakaan yang tidak menjawab soala kaji selidik ini. Rujuk senarai responden di lampiran 3.<br><br>Mesyuarat bersetuju untuk menghantar maklumat jumlah pustakawan di perpustakaan masing-masing, untuk memperolehi jumlah sampel yang sebenar.<br><br>Mesyuarat juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh untuk menjawab kaji selidik ini sehingga 31 Januari 2013. | Makluman<br><br>Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat<br><br>Pustakawan | 31 Januari 2013 |
| **MINIT 4.0** | **HAL-HAL LAIN** | | |
| 4.1 | **RFID ISO Compliant – HF atau UHF**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam proses untuk penilaian untuk menukar teknologi RFID *High Frequency* kepada *Ultra High Frequency* (UHF).<br><br>Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa terdapat beberapa perkara dan isu yang perlu diambil kira sebelum kerja-kerja penukaran ini dilaksanakan seperti, kesesuaian TAG, pintu keselamatan, dan reader dengan RFID UHF, serta kesesuaian sistem perpustakaan dengan RFID berkenaan. | Makluman<br><br>Makluman | |
| 4.2 | **Statistik Penggunaan Internet/Komputer dan Statistik Pertanyaan Rujukan**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa UPM memerlukan dua statistik berikut;<br>i. Statistik Penggunaan Komputer / Internet di makmal komputer di perpustakaan 2011.<br>ii. Statistik pertanyaan rujukan / Meja Penasihat Pengguna 2011.<br><br>Statistik ini akan digunakan untuk penambahbaikan perkhidmatan di perpustakaan UPM. Statistik ini perlu | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | dihantar melalui emel kepada muiz@lib.upm.edu.my | UPM | |
| **4.3** | **Polisi paparan Tesis**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Majlis PERPUN telah bersetuju bahawa paparan tesis untuk dimasukkan ke Repositori Institusi hanya dibenarkan sehingga muka surat kandungan sahaja. Keputusan ini akan dimuktamadkan setelah mendapat minit mesyuarat PERPUN | Makluman | |
| **4.4** | **Pembentangan Arkib Digital**<br>Wakil Perpustakaan Universiti Malaya telah membuat pembentangan Portal Arkib Digital yang dibangunkan menggunakan perisian terbuka Omeka.Portal Arkib Digital ini digunakan untuk menyimpan koleksi gambar yang mempunyai nilai sejarah kepada Universiti Malaya. | Makluman | |
| **4.5** | **Seminar Pemantapan Jiwa Kumpulan Perlaksana 2012**<br>Mesyuarat dimaklumkan satu seminar akan dianjurkan oleh UUM pada 6-8 November 2012, dan UUM menjemput ahli MySyL yang berminat boleh mengisi borang penyertaan yang di memuat turun dari portal http://cmslib.uum.edu.my/spjkp2012 | Makluman | |
| **4.6** | **Penangguhan Mesyuarat**<br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.30 tengahari dan disambung pada sebelah petang dengan sesi pembentangan sistem oleh pembekal dari Pintaran IT Sdn. Bhd. | Makluman | |

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.30 petang dengan bacaan tasbih kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh :

Muizzudin Kaspol
Setiausaha,
Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

Disahkan oleh:

CIK SARIFAH ABDULLAH
Timbalan Ketua Pustakawan
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
*merangkap* Pengerusi MySyL